



Rujukan: UKM(S)FEP.100-1/5/2

Tarikh : 5 Julai 2021

Semua Staf

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN BIL.6/2021
COVID-19: PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (KAMPUS BANGI)**

Dengan segala hormatnya Pekeliling ROSH-UKM Bil. 8/2021 bertarikh 4 Julai 2021 mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di UKM adalah dirujuk.

Selaras dengan keputusan pihak Kerajaan yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa mukim di Selangor dan lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bermula 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021, fakulti menetapkan aktiviti pengoperasian termasuk pergerakan keluar/masuk di fakulti seiring dengan keputusan pihak universiti seperti berikut:

- a. Semua perkhidmatan di Fakulti akan beroperasi secara dalam talian sepenuhnya dengan kadar 100% kakitangan Bekerja Dari Rumah. Garis Panduan BDR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar sebelum ini boleh dirujuk melalui pautan: <https://www.ukm.my/pendaftar>;
- b. Semua tugas penting perlu dilaksanakan dan tidak tertanggung dan kakitangan tidak dibenarkan masuk ke kawasan fakulti sepanjang tempoh tersebut;
- c. Kakitangan adalah dibenarkan membawa pulang dokumen penting bagi melaksanakan tugas penting dari rumah sepanjang tempoh tersebut berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) yang boleh dicapai melalui pautan berikut <https://www.cgso.gov.my/wp-content/uploads/2021/05/Surat-GarisPanduan-Membawa-Keluar-Dokumen-Atau-Maklumat-Rahsia-Rasmi-SemasaPKP-compressed.pdf>;
- d. Staf yang didapati sengaja melanggar SOP yang ditetapkan dan gagal mematuhi Garis Panduan BDR akan dikenakan tindakan tatatertib yang tegas. Sebarang ketidakpatuhan serta kesalahan berkaitan akan dilaporkan kepada Unit Integriti dan Ombudsman, UKM. Di antara aktiviti yang TIDAK DIBENARKAN dilakukan semasa waktu pejabat adalah:
 - Menyediakan kemudahan e-hailing atau menjalankan perniagaan; dan
 - Tiada di kediaman untuk menjalankan tugas.
- e. Semua aktiviti SECARA BERSEMUKA seperti mesyuarat/ kursus/ bengkel/ persidangan/ majlis rasmi/ majlis sosial adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya;

PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep



FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT

- f. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah di jalankan secara dalam talian sepenuhnya **dari rumah**. Semua aktiviti PdP secara fizikal tidak dibenarkan;
- g. Semua peperiksaan tidak dibenarkan dijalankan secara bersemuka sepanjang tempoh ini KECUALI peperiksaan antarabangsa dan badan profesional sahaja dibenarkan dijalankan dengan pergerakan pelajar tidak melebihi 10km radius;
- h. Pelajar-pelajar adalah tidak dibenarkan masuk/ berada di dalam bangunan Fakulti tanpa kebenaran Universiti;
- i. Semua aktiviti penyelidikan dalam kampus perlu ditangguhkan kecuali penyelidikan secara individu yang penting sahaja yang ditentukan oleh dekan fakulti melalui surat kebenaran Ketua PTJ dengan mengikut SOP yang ketat;
- j. Pekerja syarikat atau kontraktor luar bagi perkhidmatan berkeperluan penting sahaja adalah dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat;
- k. Merujuk kepada arahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 6 Jun 2021 menetapkan surat pergerakan hadir ke pejabat ketika melalui Sekatan Jalan Raya (SJR) hendaklah dikeluarkan oleh Kementerian yang berkaitan. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan Borang Kebenaran Bertugas Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) jika melalui SJR. Borang ini adalah seperti di Lampiran A;
- l. Setiap individu yang masuk ke kampus adalah WAJIB mengemukakan Borang Kebenaran Bertugas IPT atau surat kebenaran Ketua Jabatan sekiranya diminta oleh mana-mana anggota keselamatan UKM;
- m. Bagi SOP aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran, aktiviti Penyelidikan, Hal Ehwal Pelajar dan Keselamatan Kampus, sila rujuk seperti mana yang dinyatakan dalam Pekeliling ROSH-UKM Bil. 8/2021 untuk maklumat lanjut;

Semoga kita semua tetap bersemangat menjalankan tugas walaupun bekerja dari rumah dan sentiasa berusaha menjalankan tugas seperti yang di amanahkan. Sentiasalah prihatin dengan SOP semasa demi kebaikan bersama. Marilah kita sama-sama berdoa agar penularan wabak COVID-19 ini dapat diputuskan dan kita dapat kembali bertugas di pejabat seperti sebelum ini.

Perhatian **SEGERA** YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. AINI AMAN

Dekan

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep